

# Sungai Hampar melimpah

Penduduk bimbang risiko bencana

**DAMANSARA DAMAI** – Tidak habis-habis dengan masalah sungai. Bagi warga Apartmen Idaman dekat sini, tindakan pemaju sebuah perumahan membina kolam takungan dan meratakan tebing dengan simen didakwa membawa masalah.

Masalah banjir kilat disebabkan air sungai melimpah adalah risiko terpaksa ditanggung kerana pembinaan kolam takungan yang didakwa diragui statusnya di Sungai Hampar.

Penduduk mendakwa, kolam takungan itu tidak wajar dibina kerana tidak diperlukan.

Penduduk, Zainal Ismail, 38, berkata, takungan banjir itu hanya akan membuat air melimpah ke tebing.

Menurutnya, keadaan itu tidak pernah berlaku sebelum ini.

“Penduduk di sini memang tidak setuju kolam takungan itu dibina dan pihak terbabit perlu sedar tentang perkara itu.

“Kita kesal kerana masalah ini dipandang remeh oleh pemaju projek tersebut dan status pembinaan juga meragukan,” dakwanya.

Ahli Jawatankuasa Badan Pengurusan Bersama (JMB) Hanafiah Majid, 45, berkata, terdapat ura-ura mengatakan pemaju berbuat demikian bagi membolehkan kenderaan berat seperti lori meniti kolam dan tebing disimen.

“Jika benar kami juga tidak setuju kerana kenderaan berat tidak boleh memasuki kawasan apartmen ini kerana banyak masalah akan berlaku.

“Jalan akan jadi kotor, berhabuk dan juga boleh menyebabkan kemalangan,” katanya.



Keadaan banjir di Blok H akibat kelemahan sistem perparitan.

## JPS belum terima permohonan

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor masih tidak menerima sebarang permohonan berhubung pembinaan kolam takungan dan pengubahsuaian tebing yang dibuat di Sungai Hampar.

Penolong Pengarah Bahagian Korporat JPS Selangor, Khairul Adzim Saadon berka-

ta, tindakan penguatkuasaan akan diambil jika pemaju enggan berbuat demikian.

“Kita tidak tahu apa-apa dan tidak pernah diberitahu tentang pelan pembinaan kolam takungan itu,” katanya ketika dihubungi semalam.

Menurutnya, JPS sudah memberi masa kepada pema-

ju terbabit dan jika gagal, pihaknya akan mengajukan perkara itu kepada Pejabat Tanah Daerah dan Lembaga Urus Air Selangor untuk tindakan penguatkuasaan.

“Pertemuan bersama penduduk pemaju akan diadakan selewat-lewat pada awal Ogos depan,” katanya.



Keadaan sungai melimpah ke tebing pada waktu hujan selepas takungan banjir dibina.

## Banjir kilat kerap berlaku



Keadaan kolam takungan yang dibina menggunakan batu bukit.

Pengerusi Persatuan Penduduk Apartmen Idaman, Azizan Suradi berkata, kawasan bawah blok H akan dinaiki air setengah meter setiap kali hujan hingga menyebabkan kenderaan penduduk tenggelam.

“Perkara ini perlu diberi perhatian segera sebelum ia

terus merosakkan harta benda penduduk, selain masalah kotor disebabkan banjir kilat,” katanya ketika ditemui Sinar Harian.

Menurutnya, pengubahsuaian longkang perlu dibuat sejauh tiga meter daripada Blok H ke G bertujuan melancarkan aliran air di situ, begitu

juga dengan keadaan sungai perlu dipantau secara keseluruhan.

“Jangan tambah masalah sedia ada dan semua pihak termasuk pemaju perlu menyelesaikannya bersama. Siapa yang hendak tanggung kerosakan kenderaan akibat banjir kilat?” katanya.



Kerja-kerja mengubahsui tebing yang diragui statusnya.

## Majlis beri jaminan akan siasat

Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya Zon 1, Chan Chee Kong berkata, penduduk tidak perlu risau kerana tebing tersebut disimen bukan untuk

dijadikan laluan, tetapi hanya menstabilkan tebing.

Beliau ketika dihubungi menjelaskan, pemaju mahu meratakan tebing itu kerana

terdapat saluran pembetulan di situ.

“Kita akan menyiasat lagi tujuan pemaju tersebut meratakan tebing ini,” katanya.



Keadaan sebelum hujan.